

**PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM INTERAKSI  
INTER-AGAMA DI MALAYSIA**  
*Wasatiyyah Approach in Inter-Religious Interaction in Malaysia*

<sup>1</sup>KHAIRUL AZHAR MEERANGANI  
<sup>2</sup>MUHAMMAD IKHLAS ROSELE  
<sup>3</sup>SYAMSUL AZIZUL MARINSAH

<sup>1</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka*

<sup>2</sup>*Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)*

<sup>3</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS)*

<sup>1</sup>*azhar411@gmail.com; <sup>2</sup>ikhlas@um.edu.my; <sup>3</sup>syamsulazizul@ums.edu.my*

*Tarikh Dihantar: 24 Julai 2020 / Tarikh Diterima: 3 September 2020*

**Abstrak** Keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama merupakan identiti unik yang dimiliki oleh Malaysia sejak kemerdekaan. Namun begitu, usaha mengekalkan keharmonian ini sudah pastinya berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya pada era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi. Kemudahan yang ditawarkan teknologi kini telah disalahgunakan, terutamanya dalam media sosial. Kebebasan bersuara telah disalahtafsirkan hingga mengundang penghinaan terhadap agama dan kaum, juga ujaran kebencian yang semakin menjadi-jadi. Pasca Pilihanraya Umum (PRU) ke-14 telah memperlihatkan bibit-bibit ketegangan mulai tumbuh sehingga membawa kepada lahirnya isu-isu sensitif terutamanya berkaitan agama dan kaum yang jika tidak diuruskan dengan baik, berpotensi membawa Malaysia ke arah perpecahan dan permusuhan. Hal ini demikian kerana elemen agama dan kaum merupakan komoditi yang sering dijadikan modal untuk menimbulkan rasa tidak puas hati dan konflik. Situasi ini sekiranya tidak ditangani secara harmoni dikhuatiri mampu mencetuskan ketegangan dalam hubungan antara kaum dan agama di Malaysia. Maka, suatu asas yang kukuh berpaksikan prinsip wasatiyyah perlu dibina bagi memilih pendekatan yang bersesuaian dengan realiti semasa masyarakat majmuk di Malaysia. Pendekatan ini dibina berdasarkan panduan nas al-Quran, teks al-hadis serta pandangan para sarjana Muslim dengan mengambil kira realiti semasa yang wujud di Malaysia pada hari ini. Pendekatan yang seimbang ini mampu mengukuhkan dan mengharmonikan kembali interaksi sosial sesama masyarakat dalam rangka mengekalkan kerukunan dan perpaduan hidup bermasyarakat yang telah terbina sejak sekian lama.

**Kata kunci:** Kepelbagaian, wasatiyyah, interaksi, inter-agama, perpaduan.

**Abstract** The harmony of the multi-racial and multi-religious society is a unique identity that Malaysia had since independence. However, efforts to maintain this harmony are certainly full of various challenges, especially in the era of eruption of information and communication technology. The services offered by technology have now been abused, especially in social media. Freedom of speech has been misinterpreted to the point of inviting insult to religion and race, as well as uttering hate speech which becomes worse. After GE-14, the seeds of tension began to grow, leading to the birth of sensitive issues, especially related to religion and race, which could potentially lead Malaysia towards division and hostility if not managed properly. This is because the elements of religion and race are commodities that are often used as a tool to cause dissatisfaction and conflict. If this situation is not handled harmoniously, it is feared that it could trigger tensions in the relationship between races and religions in Malaysia. Thus, a solid foundation based on the principle of wasatiyyah needs to be constructed in order to determine an appropriate approach that suits the current reality of the multiracial society in Malaysia. This approach is built based on the guidance of the Qur'an, the text of the Hadith and the thoughts of Muslim scholars considering the current reality that exists in Malaysia today. This balanced approach can strengthen and re-harmonize social interaction among the communities to maintain the congruence and unity of community life that has been constructed for a long time.

**Keywords:** *Diversity, wasatiyyah, interaction, inter-religion, unity.*

## PENDAHULUAN

Interaksi sosial yang berlaku antara masyarakat berbilang kaum dan agama seperti di Malaysia, biasanya berada dalam keadaan pasang surut. Sifat manusia sebagai makhluk konflik (*homo conflictus*) menyebabkan elemen perbezaan, persaingan dan pertentangan sesama mereka sentiasa wujud (Novri, 2014). Ciri antagonisme atau perbezaan yang merupakan antara asas dalam pembentukan sesebuah masyarakat menyebabkan gejala konflik

ini akan sentiasa berlaku (Syarifuddin, 2014). Dalam konteks masyarakat majmuk yang ada di Malaysia pada hari ini, gejala konflik sudah pastinya tidak dapat dielakkan. Namun, pengurusan konflik secara efektif mampu menatijahkan kesan yang positif menerusi mobilisasi idea dan tindakan bagi mencapai kehidupan yang lebih baik. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan kesan konflik yang negatif seperti permusuhan, kebencian, stereotaip negatif, pergaduhan dan keganasan (Mohd Anuar *et al.*, 2018).

Pengalaman perhubungan masyarakat majmuk di Malaysia memperlihatkan bahawa elemen etnik dan agama bukanlah faktor utama tercetusnya konflik antara masyarakat. Sebaliknya, faktor ketidakseimbangan sosioekonomi dan kelemahan pihak kerajaan menawarkan polisi yang komprehensif dalam menangani isu tersebut menyebabkan sebahagian pihak bertindak memanipulasi faktor etnik dan agama untuk mencetuskan konflik dan ketegangan dalam masyarakat (Chamil Wariya, 2007). Menurut Mansor (2006), faktor ketegangan antara kaum di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu fasa 1 (1950–1970) yang disebabkan oleh isu kewarganegaraan, kontrak sosial dan bahasa, fasa 2 (1970–1990) yang disebabkan isu ketidakseimbangan sosioekonomi sehingga membawa kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru serta fasa 3 (1990-milenium) yang menyaksikan eksploitasi isu agama sehingga membawa kepada impak yang kritikal terhadap keharmonian antara masyarakat. Nazri (2012) menyatakan eksploitasi faktor kaum dan agama ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia umpama bom jangka yang berisiko mencetuskan kesan luar jangka sehingga menimbulkan ketegangan antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Kedua-dua faktor ini sering dilihat sebagai modal provokasi terbaik oleh sebahagian pihak yang berselindung di sebalik agenda dan tuntutan tertentu bagi membakar api sensitiviti dan konflik.

Kebebasan bersuara yang diberikan pasca PRU-14 memperlihatkan tahap kesedaran dan penyertaan politik yang semakin tinggi dalam kalangan masyarakat awam. Segala dasar dan polisi yang direncanakan oleh pihak kerajaan begitu rancak dibincangkan di pelbagai lapangan termasuk di media sosial. Dalam satu aspek, hal ini merupakan petanda kecaknaan rakyat kepada tindakan dan aktiviti kerajaan agar tidak terkeluar dari landasan kepimpinan dan urus tadbir yang baik. Namun begitu, kelemahan

pihak kerajaan dalam menangani sebahagian isu secara efektif atau sekurang-kurangnya membetulkan persepsi yang berlegar dalam kalangan masyarakat dilihat telah memberikan ruang buat sebahagian pihak untuk memancing emosi yang negatif daripada masyarakat menggunakan modal kaum dan agama (Abdul Jamil, 2014). Isu-isu seperti penyamarataan hak bagi golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT), mencabar keabsahan asal-usul orang Melayu di Malaysia, mempertikai fungsi dan struktur institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), mencabar hak keistimewaan orang Melayu dan kedaulatan raja-raja Melayu, cadangan penutupan pusat tahfiz serta hak bertudung bagi pekerja wanita Muslim oleh kumpulan tertentu telah menerima bantahan yang kuat dan mencetuskan pertentangan dalam masyarakat (Mohd Anuar *et al.*, 2018). Sikap yang ekstrem dan pendekatan provokatif dalam berhadapan dengan isu-isu tersebut telah menjadi ancaman kepada keutuhan hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini disebabkan bagi masyarakat Melayu, persoalan adat, budaya, bahasa, institusi beraja dan agama Islam merupakan unsur yang sensitif kerana ia melibatkan maruah dan kedaulatan bangsa (Mansor, 2010).

Menurut Ridhuan (2010), asas utama yang mencetuskan konflik dan pertentangan antara orang Melayu dan kaum-kaum lain berpunca daripada desakan berterusan ke arah peningkatan hak-hak sedia ada mendakwa kerana berpegang kepada prinsip kesamarataan. Desakan ini sebaliknya disambut secara tegas oleh orang Melayu yang masih berpegang teguh dengan kontrak sosial yang menjamin hak dan keistimewaan khusus buat golongan bumiputera. Hal ini demikian kerana setiap peruntukan khusus tersebut digubal dengan mengambil kira pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak termasuk kaum-kaum utama yang wujud di Malaysia sejak kemerdekaan (Nazri *et al.*, 2011). Begitu juga kedudukan istimewa agama Islam yang telah diberikan taraf agama rasmi Persekutuan dalam Perlembagaan 1957 dan 1963 (Ahmad Redzuan *et al.*, 2017). Peruntukan ini dilihat adil kerana asas keadilan dalam Islam bukan bermaksud penyamarataan sebaliknya pelunasan hak kepada yang berhak (Wan Mohd Nor, 2001). Kontrak sosial dibina berasaskan persetujuan bersama antara kaum-kaum yang berbeza di Tanah Melayu untuk saling menerima, memahami, menghormati dan bertolak ansur mengenai status quo masing-

masing dalam usaha mewujudkan perpaduan ke arah kemerdekaan (Abd Aziz *et al.*, 2017).

Fakta tersebut sudah jelas membuktikan bahawa tidak wujud kesamarataan secara komprehensif antara masyarakat Melayu (bumiputera) dan bukan Melayu sebaliknya yang boleh diwujudkan adalah keadilan berpandukan luns Perlembagaan (Mohd Ridhuan, 2010). Maka, pemahaman dan penerimaan yang jelas terhadap asas pembinaan kontrak sosial ini dilihat sebagai antara formula mencegah ketegangan hubungan etnik dan agama masa kini. (Nazri, 2012). Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa kontrak sosial kini tidak lagi dianggap sebagai perintis perpaduan yang perlu diteruskan sebaliknya asas baharu yang menekankan kesamarataan hak perlu dilaksanakan buat generasi Malaysia Baharu merentasi perbezaan kaum dan agama. Maka, pendekatan wasatiyyah yang menekankan nilai keseimbangan dan keadilan wajar ditonjolkan dalam interaksi antara masyarakat majmuk di Malaysia. Pendekatan ini sewajarnya memberikan kesedaran buat pelbagai pihak bahawa usaha memelihara keharmonian antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia perlu dijadikan agenda bersama oleh semua pihak terutamanya dengan memfokuskan idea dan gerak kerja ke arah yang lebih utama seperti pembasmian kemiskinan, peningkatan kualiti pendidikan dan keseimbangan ekonomi.

## KONSEP WASATIYYAH

Wasatiyyah sering difahami sebagai pendekatan kesederhanaan dalam melaksanakan sesuatu urusan kehidupan. Fahaman ini secara umumnya meskipun dilihat benar, tetapi boleh mewujudkan implikasi penyalahafsiran dan penyalahgunaan konsep wasatiyyah itu sendiri. (Zainal Kling, 2011). Golongan yang cenderung kepada fahaman liberal menggunakan konsep ini untuk mengetengahkan idea Islam sebagai agama yang mudah, fleksibel dan bersifat toleran secara mutlak mengikut perubahan zaman (Mohamad Kamil, 2013). Golongan ini melihat mereka yang taksab dan kuat berpegang teguh dengan dasar-dasar agama sebagai ekstremis dan pelampau. Idea kelompok liberalis ini sering kali bertentangan dengan golongan fundamentalis yang menganggap pendekatan wasatiyyah bererti tunduk kepada sistem kekufuran (al-Ulyani, 1995) serta helah untuk mengambil jalan mudah

dalam beragama (Mohamad Kamil, 2013). Kekeliruan dalam memahami konsep wasatiyyah ini sebenarnya berpunca daripada kecenderungan kedua-dua aliran mentafsirkannya berdasarkan neraca kesederhanaan tanpa melihat konteks yang lebih luas berkaitan wasatiyyah itu sendiri (Rumaizuddin, 2012). Maka, pendekatan yang lebih seimbang menggunakan nas syarak dengan mengambil kira realiti semasa (*waq'i*) dan implikasi (*ma'alat*) perlu dilakukan bagi memastikan konsep wasatiyyah dapat diterjemahkan menurut konteksnya yang sebenar.

Wasatiyyah secara asasnya bermaksud mengambil pendekatan yang bersesuaian dalam melunaskan sesuatu hak kepada yang berhak tanpa melampaui batas dan sempadan yang telah ditetapkan oleh Islam (al-Qaradawi, 1997). Wasatiyyah juga dilihat memainkan peranan sebagai simbol penyatuan dalam mengharmonikan pandangan yang longgar dan sempit supaya corak pemikiran yang seimbang mampu diterjemahkan. Pemikiran yang seimbang ini mampu memilih pendekatan yang terbaik dan bersesuaian dengan suasana, masa dan tempat tertentu (M. Quraish, 1996). Selain itu, pendekatan wasatiyyah juga menjadikan seseorang mampu menerima dan meraikan kepelbagaian pandangan. Sikap fanatik dan taksub tanpa disedari sebenarnya telah melemahkan umat Islam sehingga ada yang berubah, sama ada menjadi semakin ekstrem dan keras (*ifrat/ghuluw*) atau terlalu longgar dan bermudah-mudah (*tafrit/tasahul*) dalam pegangan dan kefahaman agama. Kedua-dua sikap ini telah tersasar daripada kefahaman Islam yang adil dan seimbang (*al-'adl wa al-wasat*) (Mohamad Kamil, 2014). Keseimbangan merupakan elemen penting dalam semua perkara di mana pelbagai masalah akan timbul apabila sesuatu perkara itu diuruskan secara tidak seimbang. Majoriti masyarakat Islam di Malaysia tersepit antara dua aliran pemikiran yang tersasar ini. Bagi golongan fundamentalis, mereka cenderung untuk mengetengahkan pandangan dan hukum yang agak ketat, tertutup dan tidak meraikan konteks semasa. Sementara itu, golongan liberalis pula terlalu rapuh dan longgar pegangan beragamanya sehingga ada kalanya dilihat bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Maka, pendekatan wasatiyyah sangat penting dalam memberikan alternatif terbaik buat umat Islam supaya tidak terperangkap dalam penyelewengan kedua-dua aliran tersebut serta mampu mengikut neraca kefahaman Islam yang sebenar (Nor Azlina *et al.*, 2017).

Selain itu, wasatiyyah juga merujuk kepada sifat istiqamah, iaitu konsisten dalam berpegang dengan sesuatu kaedah dan prinsip serta berusaha melaksanakannya menurut panduan syariat meskipun tidak digemari oleh tuntutan hawa nafsu dan logik akal. Hal ini demikian kerana akal manusia tidak mampu memahami dan memutuskan semua perkara secara bersendirian tanpa panduan wahyu (al-Qaradawi, 2006). Kebergantungan kepada logik akal sepenuhnya dalam merencanakan sesuatu keputusan akan membawa kepada ketidakseimbangan kerana pertimbangan manusia pada kebiasaannya akan dipengaruhi oleh kepentingan diri, jantina, warna kulit, agama, sifat kekeluargaan dan sebagainya (Muhamad Faisal *et al.*, 2018). Prinsip wasatiyyah ini bukanlah suatu konsep yang baharu sebaliknya telah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam menguruskan kehidupan bermasyarakat termasuk melibatkan golongan yang berbeza agama. Kandungan Piagam Madinah secara jelas membuktikan bahawa wasatiyyah telah dijadikan sebagai asas dalam pembentukan masyarakat majmuk (ummah) di Madinah dengan penekanan terhadap keharmonian dan persefahaman yang jitu dalam kehidupan bermasyarakat mengikut lunas-lunas Islam. Baginda telah menterjemahkan sikap yang seimbang dan adil bukan sahaja kepada masyarakat Islam, bahkan kepada masyarakat bukan Islam sehingga keharmonian hidup bermasyarakat mampu direalisasikan. Namun, suatu hal yang perlu diberikan perhatian utama dalam menjaga dan melunaskan hak-hak masyarakat pelbagai kaum dan agama di Madinah, Baginda tetap berpegang teguh dan konsisten dengan prinsip-prinsip Islam sehingga Islam akhirnya dilihat menyediakan solusi terbaik dalam menguruskan masyarakat majmuk (Mohd Zuhdi & Ahmad Dahlan, 2015).

## PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM INTERAKSI INTER-AGAMA DI MALAYSIA

Kepelbagaian (*plurality*) merupakan aturan (*sunnatullah*) yang perlu ditangani dan diuruskan secara berhikmah supaya ia menjadi pemangkin kepada kerukunan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Pada peringkat awal Islam, pendekatan wasatiyyah telah dipraktikkan secara menyeluruh dalam menjamin kestabilan sistem pentadbiran negara khususnya di Madinah menerusi pembentukan Piagam Madinah (Azyati *et al.*, 2013). Islam mementingkan

pendekatan harmoni bagi mengimbangi kewujudan dua kelompok yang bertentangan, iaitu kelompok fundamentalis dan literalis yang terlalu sempit serta kelompok liberalis yang terlalu longgar. Pendekatan yang dilakukan oleh kedua-dua kelompok ini boleh memberikan implikasi negatif terhadap hubungan sosial antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Kelompok fundamentalis dan literalis dengan ideologi sempit yang melihat segala yang berlaku menerusi perspektif sempit perkauman dan keagamaan semata-mata tanpa cuba memperhalusi punca kepada setiap permasalahan tersebut (Mohd Anuar *et al.*, 2018). Kelompok liberalis pula terlalu rapuh dengan melihat jalan keluar kepada setiap isu dan permasalahan adalah dengan menggadaikan prinsip sehingga dilihat terlalu bersifat apologetik dan toleransi di luar batasan. Justeru, satu pendekatan terbaik berpandukan prinsip wasatiyyah perlu diketengahkan bagi mencapai matlamat pembinaan sebuah negara yang aman, damai dan harmoni meskipun terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia.

### **Pelarasan Medium Komunikasi**

Interaksi memerlukan kepada komunikasi yang berlaku sesama manusia sama ada secara verbal mahupun tidak verbal. Komunikasi sama ada berbentuk perbualan seharian, perbincangan mahupun dialog harmoni ini perlu mengambil kira latar belakang dan kedudukan semua pihak yang terlibat dalam memastikan komunikasi tersebut tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, Islam telah menunjukkan beberapa kaedah komunikasi yang dirasakan sesuai untuk diaplikasikan dalam membina interaksi yang berkesan jalan terbaik sebagaimana firman-Nya:

Terjemahan: Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik. (Surah Al-Nahl, 16: 125)

Menurut Sayyid Quṭb (1996), komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala



tindakan yang dilakukan. Al-Razi (1981) menyatakan bahawa ketiga-tiga teknik yang dinyatakan merupakan satu garis panduan yang penting dalam membina komunikasi yang baik dan berkesan. Hal ini demikian kerana sesuatu komunikasi itu perlu diselaraskan mengikut latar belakang serta kesesuaian pihak pendengar. Beliau membahagikan golongan penerima maklumat ini kepada tiga kategori iaitu:

- a) Golongan intelektual yang perlu diberikan hujah dan fakta yang benar serta mampu menjentik akal mereka untuk berfikir tentang kebenaran hujah tersebut kerana mereka memiliki tahap pemikiran dan analisis yang tinggi. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara teliti dan bijaksana (قامك حلا).
- b) Golongan awam yang kadar pemikirannya bersifat sederhana di mana golongan ini perlu didedahkan dengan pelaksanaan nilai-nilai agama berkaitan akhlak dan moral secara umum sama ada menerusi perkataan mahupun kelakuan. Hal ini demikian kerana golongan ini lebih mudah terpengaruh dan terkesan dengan perkongsian prinsip-prinsip umum kehidupan yang dikongsi bersama. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara teladan (ةن س حلا قظ عوم حلا).
- c) Golongan antagonis yang mana kebanyakan hujah mereka lebih bersifat sebagai cubaan untuk mencabar sesuatu doktrin tanpa menginginkan kepada sebarang nilai kebenaran dan kesepakatan. Golongan ini perlu dilayani menerusi perdebatan yang mampu mematahkan argumentasi mereka serta mengukuhkan lagi kedudukan hujah sendiri menggunakan cara yang paling tepat, sesuai dan berasas. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara berhujah (ل اد ج حلا).

Penguasaan kaedah komunikasi yang bersesuaian ini penting dalam rangka membina hubungan yang harmoni serta mampu menghindarkan sebarang bentuk kekeliruan yang bakal timbul hasil daripada kesilapan penggunaan kaedah komunikasi semasa berinteraksi. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh 'Abdullah bin Mas'ud r.a.;

Terjemahan: Tidaklah kamu bercakap perkataan sesuatu kaum yang tidak mampu difahami oleh akal mereka melainkan akan menimbulkan fitnah dalam kalangan sebahagian mereka (Muslim, 1991).

Penggunaan perkataan atau pendekatan yang kurang sesuai dengan tahap dan situasi sesetengah pihak bakal menjejaskan keberhasilan matlamat komunikasi tersebut. Kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menggunakan pendekatan yang berbeza sewaktu berhadapan dengan individu dan golongan yang berbeza seperti puak Arab Badwi, ahli Kitab, orang munafik, golongan bangsawan dan pemimpin, kanak-kanak dan wanita serta umat Islam keseluruhannya yang memiliki latar belakang dan pemikiran yang berbeza cukup menarik untuk dihayati. Kemahiran inilah yang akhirnya menyumbang kepada berkembangnya dakwah Islam secara berkesan dan meluas (Khairul, 2016).

Dalam usaha menjayakan proses interaksi ini, Rasulullah SAW juga telah mengikat penduduk Madinah ketika itu dengan penggunaan bahasa yang sama iaitu bahasa Arab. Hal ini bagi memudahkan komunikasi yang berlaku serta mewujudkan rasa kebersamaan terhadap bahasa yang digunakan. Hal ini sebagaimana sabda Baginda:

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan yang satu dan bapa kamu adalah bapa yang satu. Maka bahasa Arab itu tidaklah ditentukan menerusi ibu atau bapa kamu (keturunan) namun sesungguhnya ia adalah alat komunikasi. Maka sesiapa yang bertutur dalam bahasa Arab dia adalah berbangsa Arab (Ibn 'Asakir, 1975).<sup>1</sup>

Sebahagian sahabat Rasulullah SAW adalah bukan berbangsa Arab seperti Bilal yang berbangsa Habsyah, Salman yang berbangsa Parsi serta Suhayb yang berbangsa Rom. Namun, Baginda telah menjadikan bahasa sebagai alat yang mengikat mereka dalam usaha mewujudkan perpaduan yang jitu. Hal yang sama juga telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia menerusi Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan rasmi negara. Hal ini bagi memudahkan komunikasi yang berlaku di samping mengelakkan kewujudan prasangka sesama kaum sekiranya bahasa yang berlainan digunakan dalam sesuatu perjumpaan atau perhimpunan. Selain itu,

---

<sup>1</sup> Ibn Taimiah mengatakan bahawa hadis ini dinilai *ḍa'īf*, namun sebahagian besar maksudnya diterima oleh ulama. Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin Taimiah, *Iqtidā' al-Ṣirāt al-Mustaqīm li Mukhālafah Aṣḥāb al-Jahīm* (Riyād: Maktabah al-Rusyd, 2008) 2: 207.

elemen itu juga penting dalam membina rasa kecintaan terhadap tanah air sendiri tanpa mengira status asal mereka dan seterusnya mengukuhkan lagi hubungan harmoni yang telah terjalin sejak sekian lama.

Namun begitu, realiti semasa memaparkan kepentingan bahasa Melayu sebagai alat penyatuan setiap rakyat ternyata kurang diberi perhatian yang sewajarnya bahkan ada kalanya dipinggirkan pula dalam arus semasa sedangkan penyatuan medium bahasa telah terbukti berkesan dalam memupuk perpaduan. Penguasaan bahasa Melayu yang semakin lemah khususnya dalam kalangan masyarakat selain Melayu sepatutnya tidak berlaku setelah hampir 60 tahun kemerdekaan negara kita kerana ia merupakan antara syarat utama pemerolehan kewarganegaraan. Maka, usaha yang sewajarnya perlu dilaksanakan untuk mengangkat kembali kedudukan bahasa Melayu ini supaya dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai medium pembinaan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

### **Pembinaan Persefahaman**

Pembinaan persefahaman berkaitan latar belakang budaya dan agama yang berbeza ini sangat penting dalam menghasilkan asas hubungan yang lebih harmoni dan bertoleransi. Sifat saling memahami yang wujud dalam setiap diri individu bakal mewujudkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain. Bagi merealisasikan hasrat membina asas kefahaman yang baik ini, komitmen daripada semua pihak untuk memulakan langkah saling berkenalan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan berhubung latar belakang kaum dan bangsa sendiri perlu dimulakan terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan wanita serta menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak untuk saling mengenali (Surah al-Hujurat, 49: 13).

Ayat tersebut ditujukan kepada sekalian manusia dalam menjelaskan bahawa penciptaan perbezaan kaum dan agama bukanlah sebagai modal untuk menyuburkan perpecahan dan permusuhan, sebaliknya sebagai satu bentuk penyaluran ruang bagi membina interaksi yang harmoni. Usaha ini perlu dimulakan oleh kedua-dua belah pihak di mana proses pertukaran

maklumat berkaitan identiti dan pengamalan asas penganut sesuatu agama ini bakal membina proses kefahaman yang baik dan seterusnya menghasilkan kewujudan hubungan yang lebih erat dan padu serta tidak dibayangi sebarang prasangka dan persepsi negatif yang tidak berasas yang boleh merencatkan pembinaan hubungan tersebut.

Kefahaman ini boleh dibina sama ada dengan meminimumkan sindrom kosmopolitanisme (Anuar, 2003) menerusi pergaulan yang mesra dan baik sesama penganut berlainan agama mahupun menerusi kaedah berdialog. Hal ini dapat dilihat sewaktu pemerintah Khalifah Mu'āwiyah bin Abū Sufyān yang menjadi pemimpin Dinasti Umayyah sekitar tahun 661–769M. Beliau sering menjemput pimpinan Kristian Jacobite dan Maronite ke istana untuk berdialog berkaitan isu-isu asas yang melingkari hubungan antara kedua-dua agama dan majlis ini dihadiri sendiri oleh beliau selaku pimpinan utama umat Islam ketika itu (Philip, 1970). Namun begitu, pelaksanaan proses dialog ini perlu diatur berpandukan kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan hasrat murni semua pihak mampu diterjemahkan secara berkesan. Al-Ghazali (2003) telah menggariskan beberapa panduan yang dirasakan sesuai dalam menganjurkan dialog yang berkesan iaitu:

- a) Setiap individu yang terlibat mempunyai objektif yang sama, iaitu bagi mencari kebenaran dan mencapai kesepakatan serta bukannya bertujuan memperlekehkan dan melakukan provokasi terhadap mana-mana pihak.
- b) Tiada halangan dan ancaman kepada mana-mana pihak dalam menyampaikan hujah mahupun mengemukakan sebarang kemusykilan yang mempunyai kaitan dengan isu-isu yang dibincangkan.
- c) Perlu melibatkan individu yang sememangnya berkeelayakan dan diiktiraf dalam bidang tersebut bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan fakta dan penyebaran maklumat yang salah yang boleh menimbulkan masalah yang lebih besar sama ada semasa mahupun selepas dialog tersebut.

Proses penyuburan pemahaman ini penting bagi membolehkan mereka merungkaikan kekeliruan berkaitan doktrin sesebuah agama serta perlakuan para penganutnya supaya tidak timbul kecenderungan

menyalahkan mana-mana agama sebagai tindak balas atas pemerhatian yang silap berhubung reaksi penganut agama tersebut. Hal ini demikian kerana pengaruh yang kuat antara agama dan etnisiti di Malaysia menyaksikan budaya dan pengamalan sesuatu kaum itu yang bersifat negatif sering disandarkan dengan ajaran agama yang mendominasi kaum tersebut (Mohd Nor, 2011). Sebagai contoh, kekeliruan masyarakat Cina yang sering menilai pengamalan dan akhlak masyarakat Melayu sebagai cerminan agama Islam sehingga mereka yang memeluk Islam dikatakan sebagai ‘masuk Melayu’ (Osman, 2002). Begitu juga bagi masyarakat Melayu yang ada kalanya terkeliru dengan agama Buddha yang dianuti oleh majoriti kaum Cina di negara ini yang sebenarnya mengandungi dua aliran di mana aliran yang dipilih oleh mereka adalah Mahayana yang lebih mementingkan elemen falsafah dan kebudayaan tradisi berbanding pengamalan ajaran agama.

Maka, proses pengenalan ini akan merungkaikan segala propaganda tersebut kerana manusia secara asasnya hanya berpotensi memusuhi dan berprasangka pada perkara yang berada di luar batasan pengetahuan dan pemahamannya. Penyekatan yang dikenakan ke atas setiap pihak dalam membincangkan perkara yang dianggap menyentuh sensitiviti dan kesucian sesebuah agama mungkin dilihat sebagai satu langkah selamat yang bersifat sementara, namun langkah tersebut dilihat hanya menyuburkan perasaan prejudis dan prasangka buruk terhadap agama lain secara terpendam diibaratkan seperti bom jangka yang hanya menunggu masa untuk diletuskan. Maka, pendekatan pengawalan dan pengawasan sebenarnya dilihat lebih relevan untuk dilaksanakan berbanding penyekatan secara menyeluruh berdasarkan kepada perkembangan pengaruh teknologi masa kini yang telah meluaskan lagi jaringan komunikasi sesama masyarakat.

### **Penyuburan Toleransi**

Secara realitinya, manusia itu memang diciptakan bagi menempuhi persekitaran yang berbeza. Perbezaan dari sudut politik, geografi, ekonomi, kebudayaan mahupun keagamaan memerlukan kepada nilai tolak ansur dan toleransi yang tinggi (Abdur Rahman, 2001). Maka, sebarang usaha untuk melakukan pemaksaan bagi menyatukan manusia dalam aspek-aspek

tersebut terutamanya aspek keagamaan berada di luar kemampuan manusia sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Dan jika Tuhanmu mengkehendaki, nescaya berimanlah sekalian yang ada di atas muka bumi. Maka, patutkah engkau pula mahu memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman? (Surah Yūnus, 10: 99)

Ayat ini secara jelas memperlihatkan bahawa kewujudan kepelbagaian agama itu bukanlah sebagai satu bentuk pedominasian dan penguasaan terhadap agama-agama lain, sebaliknya sebagai satu proses membina toleransi dan pergaulan yang baik. Islam tidak menerima konsep kebebasan agama kerana setiap agama mempunyai doktrinnya tersendiri yang perlu diikuti dan ditaati oleh setiap penganutnya (Ramli, 2003). Sebaliknya, Islam mengakui konsep kebebasan beragama di mana pengamalan mana-mana agama diharuskan atas dasar saling menghormati dan meraikan perbezaan yang wujud dengan syarat tiadanya unsur campur tangan dan peremehan terhadap doktrin mana-mana agama lain dilakukan secara terbuka tanpa sebarang pengawasan (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Hal ini juga selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan di mana walaupun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi persekutuan, namun agama-agama lain boleh terus diamalkan tanpa sebarang gangguan. Kefahaman yang jelas tentang konsep ini akan melahirkan semangat toleransi yang jitu antara penganut pelbagai agama seterusnya membawa kepada proses perpaduan yang baik.

Al-Qaradāwī (2001) telah mencadangkan empat prinsip yang boleh dijadikan sebagai dasar utama oleh umat Islam dalam mewujudkan toleransi yang bersifat praktikal iaitu:

- a) Setiap Muslim perlu mengakui dan mengiktiraf asas kemuliaan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.
- b) Setiap Muslim perlu menerima bahawa perbezaan agama yang berlaku merupakan sebahagian daripada aturan yang telah ditetapkan oleh Allah bagi membolehkan manusia membuat pilihan untuk menerima atau meninggalkan sesuatu kepercayaan berdasarkan kefahaman dan keyakinannya.

- c) Setiap Muslim tidak dituntut untuk bermusuhan dengan golongan non-Muslim disebabkan kekufuran mereka serta berpegang teguh pada prinsip kebebasan beragama.
- d) Setiap Muslim perlu meyakini bahawa berlaku adil dan menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan agama merupakan sebahagian daripada perintah Allah yang wajib dilaksanakan.

Prinsip-prinsip ini jika difahami dan diaplikasikan dengan baik nescaya mampu mewujudkan sekumpulan masyarakat yang mampu menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud sesama mereka tanpa menjejaskan kerukunan dan keharmonian yang dimiliki. Sewaktu pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah SAW tidak mengganggu golongan Yahudi yang memiliki institusi keagamaan dan akademik mereka sendiri yang dikenali sebagai Bayt al-Midrās (Ibn Hisyam, t.t). Mereka bebas mengurus dan menjalankan kegiatan mereka tanpa sebarang sekatan selagi mana tidak mendatangkan gangguan dan ancaman terhadap umat Islam. Hal ini telah memperlihatkan kepada kita keunggulan Islam sebagai agama yang meraikan hak asasi manusia. Hal yang sama juga berlaku pasca peperangan Khaybar di mana para sahabat telah merampas lembaran-lembaran Taurat disebabkan kewujudan banyak penyelewengan dan pendustaan terhadap Allah dan Rasul-Nya yang terkandung dalam kitab tersebut. Golongan Yahudi telah mengadukan perkara tersebut kepada Rasulullah SAW dan Baginda akhirnya memerintahkan para sahabat untuk memulangkan semula kitab tersebut kepada mereka sebagai satu bentuk penghormatan terhadap hak dan kebebasan beragama (al-Wāqidī, 1989).

Islam telah memaparkan tahap toleransi tertinggi terhadap golongan yang berbeza agama. Pelunasan hak-hak kemanusiaan yang selayaknya kepada golongan non-Muslim membuktikan betapa tingginya tahap kebebasan beragama yang telah dipraktikkan dalam sesebuah negara Islam. Hal ini juga selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan di mana walaupun Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan, agama-agama lain boleh terus diamalkan tanpa sebarang gangguan dengan syarat tidak menimbulkan provokasi serta menjejaskan ketenteraman awam. Perkara 11 (3) pula memperuntukkan autonomi kepada setiap penganut agama untuk menguruskan segala

hal ehwal agama masing-masing termasuk pembinaan rumah ibadat. Namun begitu, mereka tetap terikat dengan Perkara 12 (3) yang melarang sebarang bentuk elemen pemaksaan dalam menarik dan mempengaruhi pihak berbeza agama bagi mewujudkan kestabilan dalam masyarakat. Kefahaman yang jelas tentang konsep ini akan melahirkan semangat toleransi yang jitu antara penganut pelbagai agama dan seterusnya membawa kepada proses perpaduan yang baik.

Toleransi ini antaranya dapat dilihat menerusi amalan penganjuran rumah terbuka sempena perayaan agama-agama tertentu di Malaysia. Resolusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005<sup>2</sup> berhubung keharusan umat Islam untuk menyertai sambutan ini menunjukkan kepada kita keanjalan Islam dalam membina interaksi sesama penganut berlainan agama. Walau bagaimanapun, penyertaan ini tetap memerlukan kepatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan bagi menjaga sensitiviti dan kesucian agama Islam itu sendiri (Khairul & Rushdi, 2018). Selain itu, penzahiran syiar sesebuah agama juga diterima secara baik sebagai meraikan semangat toleransi tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi perarakan penganut Hindu semasa sambutan Thaipusam dan proses penyembelihan lembu yang dilakukan semasa ibadah korban. Sikap tolak ansur ini wajar dikekalkan dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Prinsip-prinsip ini jika mampu difahami dan diaplikasikan dengan baik nescaya mampu mewujudkan sekumpulan masyarakat yang mampu

---

<sup>2</sup> Petikan teks fatwa tersebut adalah seperti berikut: Dalam menentukan perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut; (1) Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam, (2) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak, (3) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini, (4) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam, dan (5) Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam”, <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/115-garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>.



menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud sesama mereka tanpa menjejaskan kerukunan dan keharmonian yang dimiliki (Faridah & Rohizan, 2014). Bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh pihak tertentu berhubung pelaksanaan amalan-amalan agama ini hanya bertunjangkan kepada kealpaan mereka terhadap faktor sejarah hubungan antara agama di Malaysia serta kedegilan untuk menerima realiti semasa yang ada merujuk kepada perakuan hak dan keistimewaan golongan bumiputera dan umat Islam (Mohd Roslan, 2011). Faktor ini turut disumbangkan oleh kekurangan usaha-usaha penyelidikan dalam bidang sejarah, terutamanya dalam mendidik generasi kini perjalanan sejarah pembinaan negara serta sosiobudaya masyarakatnya sehingga kealpaan dan kekeliruan ini akhirnya dieksploitasi oleh sebahagian pihak yang akhirnya menjejaskan matlamat perpaduan yang ingin dicapai.

### **Pelunasan Keadilan**

Konsep keadilan perlu dilunaskan merentasi batasan dan sempadan perbezaan kaum dan agama. Islam sangat menekankan keperluan melaksanakan keadilan dalam setiap urusan tanpa dipengaruhi oleh sentimen mahupun latar tertentu. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyerahkan sesuatu amanah itu kepada ahlinya. Dan jika kamu menjalankan sebarang keputusan sesama manusia, maka putuskanlah secara adil (Surah al-Nisa, 4: 58).

Ayat ini secara nyata menjelaskan kepentingan mengaplikasikan keadilan sesama manusia merentasi perbezaan agama. Hal ini demikian kerana keadilan merupakan elemen yang menjadi teras dalam kehidupan bermasyarakat. Islam sangat menegah sebarang bentuk kezaliman kepada sesama manusia terutamanya berasaskan sentimen yang tertentu (Ibn Kathir, 1999). Pelaksanaan keadilan ini bukanlah sesuatu yang hanya bersifat teori semata-mata namun telah diperlihatkan sendiri kaedah pelaksanaannya oleh salah seorang sahabat Rasulullah SAW bernama 'Abdullāh bin Rawāhah sewaktu beliau diutuskan ke Khaibar menguruskan perjanjian berkaitan pembahagian hasil pengeluaran buah-buahan di sana. Kata 'Abdullāh:

Terjemahan: Wahai orang Yahudi, kamulah orang yang paling aku benci. Kamu telah membunuh para nabi serta melakukan pendustaan kepada Allah. Namun begitu, kebencianku kepada kamu tidak sedikit pun mendorong aku untuk berlaku zalim kepada kamu. Aku menaksirkan pembahagiannya untuk kamu sebanyak 20, 000 *wasaq*<sup>3</sup> kurma. Jika kamu bersetuju, ia menjadi hak kamu dan jika kamu membantah, maka ia menjadi hak aku. Lalu kaum Yahudi tersebut berkata, “Dengan keadilan seperti inilah tertegaknya langit dan bumi. Kami menerimanya, maka beredarlah engkau dari tempat kami (al-Tahawi, 1994).

Sejarah mencatatkan bagaimana kejahatan dan penganiayaan yang direncanakan oleh bangsa Yahudi terhadap Islam. Namun, dalam berhadapan dengan perkara tersebut, Rasulullah SAW telah mendidik para sahabatnya untuk berlaku adil dalam apa urusan sekalipun. Hal ini demikian kerana sebarang bentuk kezaliman dan pengurangan hak hanya akan membawa kepada pemberontakan perasaan yang akhirnya boleh mencetuskan perpecahan dan permusuhan yang berterusan. Rasulullah SAW juga melarang sebarang bentuk kezaliman terhadap mana-mana golongan kerana pengaduan mereka mendapat perhatian daripada Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut:

Terjemahan: Hendaklah kamu berasa takut terhadap doa orang dizalimi meskipun dia seorang kafir kerana sesungguhnya tiada penghalang antara doanya dengan Allah (Ahmad, 1998).

Elemen keadilan ini telah meresapi pemikiran dan perlakuan Sahabat sehingga mendorong mereka untuk mengaplikasikan elemen tersebut walaupun selepas ketiadaan Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat sewaktu peristiwa Khalifah ‘Ali bin Abī Ṭālib yang kehilangan baju besi yang kemudiannya didapati berada di tangan seorang lelaki Yahudi. Kedua-dua mereka mengadukan hal tersebut kepada hakim negara ketika itu iaitu Syuraih. Berdasarkan keterangan dan pembuktian, maka baju besi itu diputuskan menjadi milik lelaki Yahudi tersebut. Melihatkan kepada keadilan yang dipamerkan oleh Islam walaupun lawannya ketika itu adalah pemerintah utama negara Islam, maka lelaki Yahudi itu terus memeluk

<sup>3</sup> *Wasaq* merupakan sejenis sukatan yang digunakan dalam menentukan kadar sesuatu benda. Kiraan 1 *wasaq* bersamaan dengan 60 gantang atau 130 kilogram (Dayang Nooremah *et al.*, 2014)

Islam atas dasar kekagumannya lalu terus memulangkan semula baju besi tersebut kepada Khalifah Ali (Abd al-Mun'im, 1988).

Peristiwa tersebut jelas membuktikan bahawa konsep keadilan dalam Islam memaparkan suatu pendekatan yang sangat pragmatik di mana tiada perbezaan dalam pelaksanaannya walaupun kepada musuh mahupun mereka yang berbeza agama. Dalam konteks Malaysia, asas ini telah diterjemahkan menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan layanan dan perlindungan undang-undang yang sama kepada semua pihak tanpa sebarang diskriminasi atas nama agama, kaum mahupun jantina. Hal ini bagi menjamin penyaluran hak yang saksama tanpa sebarang pertikaian yang timbul hasil daripada pengagihan hak yang dilakukan secara menyeleweng dan tidak adil. Namun begitu, satu konsep yang penting untuk dihadamkan adalah pelaksanaan keadilan tidak bermakna penyaluran hak yang sama rata, sebaliknya pemberian hak mengikut kesesuaian golongan sasaran meskipun secara tidak saksama. Pemahaman yang salah berhubung konsep ini telah membawa kepada tuntutan, bantahan dan cabaran yang dilakukan oleh pihak tertentu dalam memastikan peruntukan yang adil diberikan mengikut kehendak mereka. Sebagai contoh, masyarakat Muslim di Malaysia sering membantah pemberian kewarganegaraan yang diberikan sebahagian masyarakat non-Muslim yang dipertikaikan kesetiaan mereka serta penguasaan ekonomi oleh kelompok tersebut secara berlebihan. Bantahan balas pula dikemukakan oleh masyarakat non-Muslim yang merasakan penguasaan politik serta keistimewaan masyarakat Muslim sebagai warganegara diperoleh secara tidak adil (Mohd Sani, 2016).

Punca utama yang dilihat menjadi asas pertikaian kedua-dua golongan ini bukannya berkaitan peruntukan hak, sebaliknya penyalahgunaan peruntukan yang telah diberikan (Khairul & Rusydi, 2016). Maka, setiap pihak di peringkat bawahan perlu menghargai peruntukan sedia ada yang diberikan tanpa mewujudkan sebarang usaha untuk mempertikaikan hak-hak tertentu yang telah disepakati sejak sekian lama kerana peruntukan tersebut telah dibina atas permuafakatan pelbagai pihak bagi menjamin kestabilan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Di peringkat atasan pula, pihak yang bertanggungjawab dalam merangka dan menjalankan dasar yang berkaitan seharusnya memastikan setiap hak dan peruntukan disalurkan

serta diuruskan secara betul bagi mengelakkan wujudnya sebarang persepsi negatif yang akhirnya hanya akan mengundang bantahan-bantahan yang lebih agresif.

## **Penyaluran Kebajikan Sosial**

Secara fitrahnya, naluri manusia itu akan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan dan kebajikan sesama mereka. Konsep ini dilaksanakan tanpa mengira perbezaan agama yang wujud bagi mengukuhkan hubungan yang terbina berdasarkan nilai yang mulia dan terpuji. Islam tidak melarang sebarang bentuk kebajikan diberikan kepada penganut berlainan agama sama ada dalam bentuk ekonomi mahupun sosial. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan keadilan kepada mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan mengeluarkan kamu daripada negeri kamu (Surah al-Mumtahanah, 60:8).

Hubungan umat Islam dengan penganut agama yang lain bukan hanya dibina berdasarkan penjaminan keharmonian dan keamanan semata-mata, bahkan dirangkumkan dalam konsep yang lebih luas melibatkan penjagaan kebajikan terhadap mereka (Mohd Hafiz, 2013). Rasulullah SAW pernah menziarahi seorang remaja Yahudi yang merupakan salah seorang pembantu yang berkhidmat kepadanya. Sifat prihatin dan bertanggungjawab yang dipamerkan oleh Baginda ini akhirnya menarik minat remaja tersebut untuk memeluk agama Islam (al-Bukhārī, 2002). Selain itu, perintah Rasulullah SAW kepada Asmā' binti Abū Bakr untuk meneruskan kebajikan dan layanan baik terhadap ibunya yang belum memeluk Islam memperlihatkan kepada kita dengan jelas bahawa perbezaan agama bukanlah penghalang untuk menyuburkan kebajikan sosial dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Hal ini sebagaimana firman Allah dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Dan jika kedua-keduanya memaksa kamu menyekutukan Aku dengan sesuatu yang tiada kamu ketahui maka janganlah kamu menurutinya. Dan bergaullah secara baik dengan mereka di dunia (Surah Luqman, 31: 15).

Ternyata, walaupun Allah melarang sebarang ketaatan kepada ibu bapa yang berlainan agama dalam urusan keagamaan, tetapi dalam masa yang sama seorang anak tetap dipertanggungjawabkan untuk melunasi hak terhadap orang tua mereka dengan cara yang terbaik dan selayaknya. Keprihatinan yang tinggi akan melahirkan suatu hubungan yang kukuh serta mencairkan sebarang bentuk gelojak negatif yang berselindung di dalam hati.

Islam juga sangat memberi penekanan terhadap penghuluran kebajikan kepada jiran di mana telah diriwayatkan bahawa 'Abdullāh bin 'Amru salah seorang daripada sahabat Rasulullah SAW pernah menyembelih seekor kambing lalu bertanya kepada pembantunya sama ada daging kambing tersebut telah dihadiahkan kepada jiran mereka yang berbangsa Yahudi. Pertanyaan tersebut telah diulang sebanyak dua kali lalu beliau menyatakan pesanan Rasulullah SAW menerusi hadis berikut:

Terjemahan: Jibril sering berpesan kepadaku berkaitan jiran sehingga aku menyangka bahawa mereka itu boleh mewarisi (al-Bukhārī, 1989).

Yūsuf al-Qaradāwī dalam menyatakan konsep kebajikan yang dianjurkan oleh Islam adalah dengan mempamerkan kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan non-Muslim, menghulurkan bantuan kepada orang-orang fakir dan miskin, memberi keperluan makanan dan pakaian terhadap orang-orang yang kesempitan, bergaul secara baik dan sopan, mendoakan supaya mereka diberikan petunjuk kepada agama Islam, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang ancaman serta membantu mereka daripada sebarang unsur kezaliman (al-Qaradawi, 1992). Budaya rumah terbuka yang sering dianjurkan saban tahun di Malaysia memperlihatkan kepada kita hubungan baik yang terjalin antara penganut pelbagai agama apabila mereka saling bertukar-tukar makanana menjelang perayaan masing-masing. Sambutan ini jelas telah bertukar menjadi suatu aktiviti sosial dan kemasyarakatan dalam mewujudkan kemesraan sesama rakyat tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Dalam konteks yang lebih kecil, kewujudan penduduk pelbagai agama dalam sesebuah kediaman juga perlu dijadikan platform untuk menghulurkan kebajikan lebih-lebih lagi

atas dasar kejiwaan. Hal ini mampu menyumbang kepada perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat.

## **Penghindaran Provokasi**

Islam melarang sebarang bentuk penghinaan dan penceraan terhadap amalan dan doktrin mana-mana agama tanpa melalui proses penghujahan yang betul. Hal ini demikian kerana setiap provokasi yang dilakukan hanya akan mengundang tindak balas yang lebih ekstrem yang akhirnya boleh membawa kepada pertelingkahan dan permusuhan yang lebih serius. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ayat berikut:

Terjemahan: Dan janganlah kamu mencera sembah-sembahan mereka selain Allah kerana kelak mereka akan mencera Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan (Surah al-An'ām, 6: 108).

Kalimah *tasubbū* dalam ayat berikut berasal daripada perkataan *sabba* iaitu sebarang ucapan yang mempunyai unsur penghinaan dan pemakiaian sesuatu keburukan kepada pelakunya secara terbuka sama ada hal tersebut benar mahupun palsu (al-Fayyūmī, 1987). Ibn Kathīr (1999) menyatakan bahawa ayat ini diturunkan berkaitan tindakan sebahagian umat Islam yang menghina dan memperlekehkan sembah kaum musyrikin Makkah. Hal ini telah mengundang serangan balas daripada mereka dengan melancarkan ugutan terhadap Rasulullah SAW untuk mencera Allah sebagai sembah umat Islam. Lalu Allah menurunkan larangan cercaan tersebut bukan sebagai satu bentuk ketakutan terhadap ancaman mereka, sebaliknya pembinaan etika buat umat Islam dalam berhadapan dengan manusia pelbagai agama. Umat Islam dilarang memulakan sebarang bentuk provokasi atas apa alasan sekalipun bagi menghindari mudarat besar yang boleh berlaku tanpa diduga.

Rasulullah SAW sendiri pernah diprovokasi oleh sekumpulan Yahudi yang mempermainkan ucapan salam dengan mengubah lafaz salam tersebut daripada *assalāmu 'alaikum* (sejahtera ke atas kamu) kepada *assāmu 'alaikum* (kematian/kecelakaan kepada kamu). 'A'isyah r.a. yang mendengar ucapan tersebut telah membalas provokasi tersebut dengan mendoakan kecelakan dan laknat keburukan ke atas mereka namun telah ditegur oleh Baginda dengan katanya:

Terjemahan: Bertenang wahai 'A'isyah, Sesungguhnya Allah menyukai kelembutan/kesopanan dalam setiap perkara (al-Bukhārī, 2002).

Walaupun 'A'isyah pada mulanya mempersoalkan teguran Rasulullah SAW yang dirasakan bersifat defensif, tetapi beliau akur atas penjelasan Baginda bahawa provokasi tersebut telah pun dibalas dengan kadar yang sewajarnya. Hal ini memperlihatkan ketinggian tahap kesabaran yang dimiliki oleh Rasulullah SAW walaupun berhadapan dengan provokasi yang melampau dan biadab daripada pihak lawan. Maka, menjadi tanggungjawab setiap penganut agama untuk mempamerkan rasa hormat sesama mereka yang berlainan agama berdasarkan konsep “*agree to disagreement*” (Ramli, 2003). Sebarang unsur perosak keharmonian seperti ekstremisme, chauvinisme dan fanatisme perlu segera dihindari dan dibendung dalam usaha memastikan keharmonian dan kerukunan masyarakat pelbagai agama ini mampu direalisasikan (Mohd Anuar, 2003). Setiap pihak juga wajar menahan diri daripada menimbulkan tuntutan atau bantahan tertentu, terutamanya yang berkaitan dengan doktrin dan syiar utama agama-agama lain kerana dibimbangi tindakan tersebut hanya akan mengundang serangan balas yang di luar jangkaan. Hal ini demikian kerana isu keagamaan di Malaysia sememangnya dikategorikan sebagai isu yang sensitif kerana berpotensi untuk dieksploitasi oleh mana-mana pihak sehingga mencetuskan kekacauan dalam masyarakat.

Tahap sensitiviti keagamaan yang semakin meningkat di Malaysia akhir-akhir ini memerlukan muhasabah daripada semua pihak agar lebih bertenang dan tidak terburu-buru dalam melakukan sesuatu tindakan yang akhirnya akan merugikan hubungan sesama mereka sahaja. Maka, tindakan pihak pemerintah menguatkuasakan beberapa undang-undang awam seperti Akta Hasutan 1948 (bertujuan membendung sebarang ucapan yang boleh mencetuskan kekacauan dalam masyarakat), Akta Pertubuhan 1966 (bertujuan memastikan setiap kumpulan agama tidak menyalahi objektif dan fungsi penubuhannya), Akta Polis 1967 (bertujuan memastikan aktiviti keagamaan yang dijalankan di kawasan awam tidak mengganggu ketenteraman), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (bertujuan menyekat sebarang penerbitan berbentuk provokasi dan subversif yang boleh menjejaskan keharmonian) dan Akta Komunikasi dan Multimedia

1998 (bertujuan membendung sebarang penyalahgunaan medium siber bagi menimbulkan ketegangan dalam masyarakat) dilihat penting sebagai suatu amaran kepada mana-mana pihak supaya lebih menghormati satu sama lain serta mempunyai rasa tanggungjawab atas setiap perkataan dan tindakan yang dilakukan (Mohd Azam, 2016). Tindakan sebegini penting dalam membendung mana-mana pihak daripada memperlekeh pengamalan agama mana-mana pihak, sama ada secara serius mahupun sekadar gurauan semata-mata. Hal ini demikian kerana setiap penganut agama memiliki tahap sensitiviti keagamaan yang tinggi dalam mempertahankan kesucian agama masing-masing. Maka, penghormatan yang diberikan ini mampu mengelakkan kekacauan dan konflik yang di luar jangkaan tercetus dalam kalangan masyarakat.

## KESIMPULAN

Hubungan baik yang terbina antara penganut pelbagai agama di Malaysia ini perlu sentiasa dikekalkan bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. Situasi ini memerlukan kepada kerjasama semua pihak secara menyeluruh bagi menghasilkan suatu proses integrasi yang bersifat nasional. Perkongsian dan pematuhan terhadap nilai dan norma yang terpuji merupakan aspek yang disepakati oleh semua manusia merentasi sempadan kaum dan agama. Maka, pendekatan wasatiyyah ini dilihat penting dalam memandu interaksi inter-agama di Malaysia supaya tidak bersifat retorik semata-mata, bahkan mampu menterjemahkan kemajmukan dan kepelbagaian yang wujud di Malaysia dalam bentuk yang lebih jitu dan bersepadu. Sebarang ancaman yang dilihat berpotensi merencatkan pembinaan asas keharmonian ini perlu segera dicantas sama ada menerusi kempen dan dialog mahupun penguatkuasaan undang-undang bagi menjamin kestabilan dan keharmonian yang wujud dalam kalangan masyarakat berbeza agama di Malaysia mampu dikekalkan.



## RUJUKAN

- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurliana Suhaini. (2017). Realiti kepelbagaian kaum ke arah perpaduan nasional pascamerdeka. *Malaysian Journal of Social Science*, 2 (1), 1–24.
- ‘Abd al-Mālik bin Hisyām. (t.t.). *al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī.
- ‘Abd al-Mun’im al-Hasyīmī. (1988). *Masyāhīr al-Qudāh*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Abdul Jamil Wahab. (2014). *Manajemen Konflik Keagamaan*. Jakarta: Kompas-Gramedia.
- Abdur Rahman Momin. (2001). Pluralism and multiculturalism: An Islamic perspective. *American Journal of Islamic Social Science*, 18 (2), 115–146.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (1998). *Musnad Aḥmad*. Riyād: Bait al-Afkār al-Dawliyah.
- Ahmad bin Muhammad al-Tahawi. (1994). *Syarh Ma’ani al-Athar*. Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Ali al-Fayyūmī. (1987). *al-Miṣbāh al-Munīr*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Ali bin Nafi’ al-Ulyani. (1995). *Ahamiyyat al-Jihad fi Nasr al-Dakwah al-Islamiyyah wa al-Rad ‘ala al-Tawa’if al-Dalah Fih*. Arab Saudi: Dar al-Taba’ Li al-Nasyr wa Tauzi’.
- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. (2013). *Pelaksanaan Konsep Wasatiyyah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamil Wariya. (2007). *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
- Dayang Nooremah Awang Said, Abdul Rahman Mohamed, Kamarudin Mohamad Nor & Hafidzi Hamdan. (2014). Sukatan Metrik Gantang Baghdad dan Kepentingannya dalam Pembayaran Zakat. *Prosiding, International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, 1–2 Disember 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzi. (1981). *Mafātih al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Faridah Jalil & Rohizan Halim. (2014). Kebebasan beragama: Gambaran Malaysia. *KANUN*, 26 (2), 220–235.
- Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathīr. (1997). *Tafsīr al-Qur’an al-‘Azīm*. Riyād: Dār al-Tayyibah.
- Ibn Hisyam, Muhammad bin Abd al-Malik (t.t.). *al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Khadijah Mohd Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92.

- Khairul Azhar Meerangani. (2016). Isu Semasa terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam. Tesis Kedoktoran (Tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khairul Azhar Meerangani & Rushdi Ramli. (2016). Hak asasi non muslim di Malaysia menurut perlembagaan persekutuan dan prinsip Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 14 (3), 18–29.
- Khairul Azhar Meerangani & Rushdi Ramli. (2017). Pemakaian elemen realiti semasa (*Waq'i*) dalam fatwa berkaitan non Muslim di Malaysia: Analisis isu terpilih. *Jurnal Ulwan*, 2 (1), 85–96.
- M. Quraish Shihab. (1996). *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudhui atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Mansor Mohd Noor. (2006). Transformasi Perhubungan Etnik di Malaysia. Dlm. Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian & Abu Daud Silong. *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mansor Mohd. Noor. (2010). Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *DEMOKRASI*, 9 (2), 185–207.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. (2013). *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohamad Kamil Ab. Majid, Ab. Aziz Mohd Zin & Fauzi Deraman. (2014). *Wasatiyyah Islam antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jamiyyah.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2016). Enakmen kawalan pengembangan agama bukan Islam di Malaysia: Penguatkuasaannya bagi kes pengembangan agama bukan Islam di Alam Siber. *Prosiding, Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber*. Institut Latihan Islam Malaysia.
- Mohd Anuar Ramli. (2003). Asas Hukum dalam Budaya: Kajian terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial dalam Kebudayaan Malaysia. Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Uruf majmuk: Konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 8, 45–64.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2012). Prinsip hubungan sosial bagi menangani konflik dalam masyarakat Malaysia berteraskan Islam. *Jurnal Peradaban*, 5, 49–71.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan & Syamsul Azizul Marinsah. (2018). Isu-isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi pendekatan kesederhanaan. Dlm. Mohd Roslan Mohd Noor (Ed.). *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mohd Hafiz Daud. (2013). *Non Muslim Menurut Kaca Mata Rasulullah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61–84.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Religious tolerance in Malaysia: An overview. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 9 (1), 23–27.
- Mohd Sani Badron. (2016). Interaksi penganut agama: Latar belakang dan motif. *Prosiding, Muzakarah Pakar Pendekatan Fiqh Ta'amil dalam Hubungan Penganut Agama di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia Kuala Lumpur.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh. (2015). Wasatiyyah dan Kesederhanaan. Prosiding, International Conference on Islamic Jurisprudence, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Faisal Ashaari, Muhamad Zulkifli Abdul Ghani, Abdul Ghafar Don & Zulkefli Aini (2018). Wasatiyyah ialah Keseimbangan dalam Beragama bukan Kesederhanaan. *Prosiding, Seminar Antarabangsa Pengurusan & Kepimpinan Islam: Isu dan Cabaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abi Hamid al-Ghazali. (2003). *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Beirut: Dar Qutaybah.
- Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī. (1989). *Al-Adab al-Mufrad*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Muhammad bin 'Umar bin Wāqidī. (1989). *al-Maghāzī*. Beirut: Dar al-A'lamī.
- Muslim bin Ḥajjāj. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nazri Muslim. (2012). Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan persekutuan terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 19 (2), 19–62.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan etnik di Malaysia dari perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 29 (1), 1–28.
- Nor Azlina Endut, Rohaini Amin & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2017). Pendekatan wasatiyyah dalam masyarakat multietnik di Malaysia. *Prosiding, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. Pusat Pengajian Teras KUIS.
- Novri Susan. (2014). *Pengantar sosiologi konflik*. Jakarta: Prenada Media.
- Osman Chuah. (2002). Non-Muslim Chinese fear of Islam in Malaysia: An analysis. *Jurnal Usuluddin*, 15, 97–108.
- Philip Hitti. (1970). *History of the Arabs*. New York: Saint Martin Press.
- Ramli Awang. (2003). *Islam alternatif perpaduan sejagat*. Skudai: Penerbit UTM.
- Rumaizuddin Ghazali. (2012). *Yusuf al-Qaradawi dan pengaruhnya dalam masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Sayyid Quṭb. (1996). *Fī Zilāl al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Syuruq.

- Syarifuddin Jurdi. (2014). *Sosiologi Islam dan masyarakat moden*. Jakarta: Kencana.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Yusuf al-Qaradawi. (1992). *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Yūsuf al-Qaradāwī. (2001). *Madkhal li Ma'rifah al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Yūsuf al-Qaradāwī. (2006). *Dirasah fi Fiqh al- Maqasid al-Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Yusuf al-Qaradawi. (2010). *Fiqh al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa al-Tajdid*. Beirut: Dar al- Syuruq.
- Yusuf al-Qaradawi. (2011). *Kalimat fi al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa Ma'alimiha*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Zainal Kling. (2011). *Konsep wasatiyyah: Perspektif sosial sains*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.